



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**21 OGOS 2021 (SABTU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**21 OGOS 2021 (SABTU)**



# Ops Samar pantau SOP perniagaan

**Penguat kuasa KPDNHEP berpakaian preman tumpu kawasan panas**

Oleh Zuhainy Zulkiffi  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan Ops Samar bagi memantau pematuhan prosedur operasi standard (SOP)

premi perniagaan. Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata penguat kuasa akan berpakaian preman bagi memantau 22 subsektor perdagangan dan pengedaran yang dibenarkan beroperasi menerusi Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Katanya, kira-kira 2,000 pegawai dan anggota penguat kuasa akan menyemak MySejahtera pelanggan, selain memastikan hanya pelanggan yang sudah lengkap dua dos vaksin boleh makan di dalam restoran.

"Tumpuan akan diberikan di kawasan panas yang menyedai kemudahan makan di dalam atau premis yang memerlukan peniaga dengan pelanggan



Hasnol Zam Zam (dua dari kanan) meninjau Program Vaksinasi Industri Peruncitan di Georgetown, semalam. (Foto: Mikail Ong/BH)

berada pada jarak dekat, seperti kedai gunting rambut atau cermin mata.

"Kita minta supaya orang ramai mematuhi SOP kerana anda sedang diperhatikan oleh penguat kuasa," katanya semalam.

Hasnol Zam Zam ditemui selepas meninjau Program Vaksinasi Industri Peruncitan (Ri-VAC).

Yang turut hadir Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar.

Hasnol Zam Zam berkata, Ri-VAC sudah dilaksanakan di be-

berapa lokasi termasuk di luar Lembah Klang, iaitu di Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka.

Katanya, program itu akan diperluas di tiga negeri lagi iaitu Perak, Pahang dan Kedah sebagai usaha bagi mempercepat imuniti kelompok.

"Setakat ini, kita masih, perlahan-lahan kapasiti dan mengumpul majikan yang hendak mengemukakan kemudahan itu.

"Perbincangan lanjut dengan jawatankuasa vaksinasi serta Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi akan dibuat berhubung cadangan pelaksanaan program ini di tempat lain," katanya.

Hasnol Zam Zam berkata, sejak pelaksanaan penguatkuasaan yang dijalankan KPDNHEP bermula 13 Mei tahun lalu hingga Khamis lalu, sebanyak 859 kompaun berjumlah RM4.45 juta ke atas mereka yang gagal mematuhi SOP.

Katanya, pematuan dalam sektor perdagangan dan pengedaran sudah mencapai tahap memuaskan dengan 98.73 peratus.



## KPDNHEP beri amaran patuhi SOP *dine-in*

**GEORGETOWN** - Orang awam dan pemilik perniagaan terutamanya premis makanan dinasihatkan agar berhati-hati dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) susulan Op Samar yang dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, kementerian itu akan menempatkan 2,000 anggota penguat kuasa berpakaian preman untuk memantau pematuhan SOP di semua 22 sub-sektor perdagangan dan pengedaran.

Menurutnya, penguatkuasaan itu juga akan tertumpu di kawasan lokasi yang banyak menyediakan perkhidmatan *dine-in*.

"Kita akan mengadakan rondaan secara konsisten di kawasan tumpuan untuk memastikan ke-longgaran yang diberikan kerajaan ini dipatuhi.

"Anggota kita akan membuat rondaan tanpa memakai pakaian seragam untuk memerhati pe-



Hasnol (tengah) bertanya sesuatu kepada pembantu premis ketika melawat RiVAC di Gurney Paragon pada Jumaat.

langgan dan pemilik premis. Ia termasuk mematuhi SOP *dine-in* dan mengimbas aplikasi MySejahtera.

"Hati-hati kerana kemungkinan yang berada di sekeliling anda adalah anggota penguat kuasa kita yang sedang memantau pematuhan SOP," katanya pada sidang media selepas meninjau Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) di Gurney Paragon di sini pada Jumaat.

Katanya, selain perniagaan yang menyediakan *dine-in*, operasi pemantauan itu juga akan tertumpu di perniagaan yang me-

merlukan pemilik premis dan pelanggan duduk berdekatan seperti kedai gunting rambut.

Dalam pada itu, Hasnol berkata, sejak pelaksanaan penguatkuasaan yang dijalankan KPDNHEP dari 13 Mei tahun lalu hingga Khamis, 730,687 premis diperiksa dan 839 kompaun (kes) direkodkan.

"Nilai kompaun yang dikumpul daripada kesemua kes itu adalah RM4.45 juta. Berdasarkan statistik, pematuhan dalam sektor perdagangan dan pengedaran telah mencapai tahap memuaskan dengan 98.73 peratus," katanya.

## 2,000 anggota KPDNHEP menyamar pantau SOP

**GEORGE TOWN** – Lebih 2,000 anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara akan melakukan penyamaran bagi menjalankan pemantauan prosedur operasi standard (SOP) di premis-premis perniagaan yang telah dibuka mulai 16 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, menerusi Ops Samar yang dijalankan itu, anggota penguat kuasa berkenaan akan berpakaian preman dan menyamar sebagai pelanggan bagi meninjau pematuhan SOP dalam

Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, hampir kesemua sektor ekonomi di negeri ini dibuka semula mengikut kemudahan untuk sektor Perdagangan dan Penedaran Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) walaupun Pulau Pinang belum mencapai 50 peratus kadar vaksinasi penuh.

Menurut beliau, Ops Samar berkenaan akan dijalankan di kawasan-kawasan tumpuan pelangan yang telah dikenal pasti seperti pusat beli-belah, kedai makanan, kedai gunting rambut dan lain-lain sektor ekonomi yang melibatkan orang ramai.

“Pemilik premis dan pelang-

gan perlu memastikan hanya yang telah lengkap divaksin sahaja boleh melakukan aktiviti seperti dine-in.

“Apa yang boleh dikatakan sekarang ialah gerak-geri anda diperhatikan oleh anggota penguat kuasa,” katanya.

Dalam pada itu, Hasnol Zam Zam berkata, program RiVAC yang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan majikan di Lembah Klang, Pulau Pinang, Negeri Sembilan serta Melaka dan akan diperluas di Kedah, Perak dan Pahang dalam masa terdekat.

“Kita masih perhalusi kapasiti

dan jumlah majikan yang mahu menggunakan kemudahan pemberian vaksin Covid-19 kepada pekerja mereka menerusi program RiVAC ini,” katanya.

Beliau berkata, sejak pelaksanaan penguatkuasaan dijalankan KPDNHEP dari 13 Mei tahun lalu hingga kelmarin, 730,687 premis diperiksa dan 839 kompaun (kes) direkodkan.

“Nilai kompaun yang dikumpul bagi semua kes itu adalah RM4.45 juta, berdasarkan statistik, pematuan dalam sektor perdagangan dan pengedaran telah mencapai tahap memuaskan dengan 98.73 peratus,” katanya.

## Ministry goes undercover to check on S.O.P. compliance

**GEORGE TOWN:** Plainclothes enforcement officers from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) will be assigned to hotspot areas to check on standard operating procedure (SOP) compliance among retailers and customers.

Among the hotspot areas include eateries that allow dining in and those with more interactions between retailers and customers, such as hair salons.

The ministry's secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad said the undercover officers were among 2,000 enforcement officers to be deployed on the ground nationwide under Op Samar.

"While we want to ensure that the reopening of more economic sectors receives good response, it should be followed with strict compliance of the SOP.

"Apart from sending our usual enforcement officers, we will also send plainclothes officers to the ground to check on the situation," he said after visiting the retail industry vaccination programme (RIVac) at the Gurney Paragon Mall here yesterday.

Hasnol said the RIVac programme, currently implemented in Penang, the Klang Valley and Melaka, would be extended to Kedah, Perak and Pahang.

"We are gathering data from employers in the three states before implementing the programme there," he said.

Since the implementation of the SOP compliance checks on May 13 last year until yesterday, the ministry has inspected a total of 730,687 premises.

Of the total, 839 compounds were issued against those who flouted the SOP, amounting to RM4.45 million.



Sebanyak 8,885 kedai jual minyak masak botol diperiksa seluruh negara

# 24 premis jual minyak mahal didenda

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan kompaun terhadap 24 premis kerana didapati menjual harga minyak masak tulen botol melebihi harga maksimum.

Premis itu dikesan berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan yang dilakukan terhadap 8,885 premis di seluruh negara bermula 1 Ogos hingga Rabu lalu. Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Shamsul Nizam Khalil berkata, secara keseluruhannya, hasil pemeriksaan menunjukkan tahap pematuhan peniaga terhadap penguatkuasaan adalah masih baik.

Beliau berkata, daripada 8,885 premis itu, sejumlah 7,779 premis patuh menjual pada harga maksimum yang ditetapkan.

"Manakala, sejumlah 1,082 premis menjual minyak masak



**PEMERIKSAAN minyak masak botol dibuat di 8,885 premis di seluruh negara.** – GAMBAR HIASAN

sawit tulen botol pada harga lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan walaupun dalam keadaan harga minyak sawit mentah semakin meningkat,"

katanya dalam kenyataan akhbar semalam. Shamsul Nizam berkata, pihaknya menyambut baik dan menggalakkan mana-mana pe-

niaga untuk menjual minyak masak itu pada harga lebih rendah daripada harga maksimum yang telah ditetapkan.

Menurutnya, ketika ini, harga

minyak sawit mentah menunjukkan trend meningkat bermula pertengahan Jun lalu iaitu RM3,471.50 tan metrik (mt) sebelum mencecah RM4,696.50 mt pertengahan Ogos lepas.

Justeru, katanya, penguatkuasaan harga runcit maksimum minyak sawit tulen botol relevan dikuatkuasakan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan.

Sebelum ini, KPDNHEP menguatkuasakan harga runcit maksimum bagi minyak masak sawit tulen dibungkus dalam botol 1 kilogram (kg), 2 kg, 3 kg dan 5 kg di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2021 bermula 1 Ogos lalu.

Penguatkuasaan Harga Runcit Maksimum itu dilaksanakan bagi menunjukkan komitmen kerajaan kepada rakyat harga minyak masak sawit tulen botol pada harga subsidi.



**Senarai Harga Barang Keperluan**

• Ayam	RM6.90	• Telur Gred A	RM11.90	• Cili Merah	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM15.90	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.59
• Daging Lembu Import	RM25.83	• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Gandum	RM2.25
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM2.80		
• Bawang Putih	RM6.90				

*\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN/HEP*